
PERKHIDMATAN KESIHATAN AWAM

Perkhidmatan Kesihatan Awam

RINGKASAN EKSEKUTIF

Bahagian Kesihatan Awam merupakan Bahagian yang terbesar di bawah pentadbiran Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWP&P). Bahagian ini bertanggungjawab menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat di semua peringkat melalui penjagaan kesihatan asas dan memberi fokus kepada perkhidmatan keselamatan dan kualiti makanan, pendidikan dan promosi kesihatan, pembangunan kesihatan keluarga dan kawalan penyakit.

Bagi kawasan Kuala Lumpur, sebahagian dari perkhidmatan-perkhidmatan di atas masih disediakan oleh Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (JKDBKL). Manakala bagi kawasan Putrajaya, perkhidmatan kesihatan disediakan sepenuhnya oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Putrajaya dan Jabatan Kesihatan Perbadanan Putrajaya (JKPP).

Tiga (3) fungsi utama Bahagian Kesihatan Awam iaitu pertama untuk membantu individu dan komuniti untuk mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan yang optima melalui penjagaan kesihatan asas, kedua adalah menggalakkan promosi kesihatan dan menjadi amalan di kalangan individu dan masyarakat dan ketiga untuk menyediakan perkhidmatan pencegahan, promotif, kuratif dan penjagaan rehabilitatif secara integrasi pada semua peringkat perkhidmatan kesihatan.

Terdapat 12 Unit dan Sub-Unit di Bahagian Kesihatan Awam, iaitu:

- i) Kesihatan Keluarga
- ii) Primer
- iii) Pemakanan
- iv) Keselamatan dan Kualiti Makanan
- v) Pendidikan Kesihatan
- vi) Inspektorat dan Perundangan
- vii) Kawalan Penyakit Berjangkit

- viii) Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit
- ix) Kawalan Vektor
- x) HIV / TB
- xi) Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar
- xii) Farmasi Kesihatan Awam

Secara keseluruhannya sepanjang tahun 2008 aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Kesihatan Awam telah meningkat berbanding tahun sebelumnya dan telah melibatkan ramai orang awam khususnya bagi program kawalan wabak demam denggi di kawasan Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur dan WP Putrajaya. Dari segi sumber manusia, terdapat penambahan bilangan anggota yang berkhidmat di Bahagian Kesihatan Awam berbanding tahun sebelumnya.

2.0 UNIT KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

Fungsi utama Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan adalah untuk melindungi orang ramai terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan. Semua aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 disamping prosedur, garis panduan, kod amali dan arahan-arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

2.0.1 Pemeriksaan Dan Penilaian Premis Makanan (Rutin)

Pemeriksaan dan penilaian premis makanan merupakan antara program utama dalam aktiviti keselamatan dan kualiti makanan. Aktiviti ini dilaksanakan mengikut sasaran kerja tahunan yang telah ditetapkan. Bagi kawasan Kuala Lumpur aktiviti rutin ini mula dilaksanakan oleh JKWPKL&P bagi tahun 2008 dengan fokus utama kepada kantin dan dapur asrama sekolah. Bagi kawasan Putrajaya aktiviti ini diteruskan oleh PKD Putrajaya seperti tahun sebelumnya.

Secara keseluruhannya sebanyak 508 pemeriksaan premis makanan telah dilakukan sepanjang tahun 2008 oleh JKWPKL&P. Daripada jumlah tersebut sebanyak enam (6) buah premis makanan telah ditutup kerana markah penilaian kurang daripada 50% atau sebab-sebab kritikal yang lain seperti premis terlibat dengan kejadian keracunan makanan.

Jadual 1: Bilangan Pemeriksaan dan Penilaian Premis Makanan, 2008, JKWPKL&P

	Premis Makanan	Markah Penilaian				
		0-25%	26-50%	51-75%	76-100%	Jumlah
A.	Penjualan Makanan					
i)	Gerai	0	2	3	2	7
ii)	Penjaja	0	2	31	110	143
iii)	Kedai Makanan	0	9	129	106	244
iv)	Ais Krim	0	1	14	5	20
v)	Kedai Runcit	0	0	0	0	0
vi)	Pasaraya / Pasar Mini	0	0	0	0	0
vii)	Pasar (Borong / Runcit)	0	0	1	0	1
viii)	Kedai / Gerai Daging	0	0	0	0	0
ix)	Kantin Sekolah	0	2	44	25	71
x)	Dapur Asrama Sekolah	0	1	8	0	9
xi)	Lain-lain Premis Makanan	0	1	8	1	10
	Jumlah	0	18	238	249	505
B.	Pengeluaran Makanan					
i)	Minuman dan Air Berudara	0	0	0	0	0
ii)	Kilang Bir	0	0	0	0	0
iii)	Wain (Todi / Samsu)	0	0	0	0	0
iv)	Ais Krim	0	0	0	0	0
v)	Produk Susu	0	0	0	0	0
vi)	Kilang (Beras / Gula)	0	0	0	0	0
vii)	Kilang Kisar (Beras, Gula, Sagu)	0	0	0	0	0
viii)	Kilang Minyak (Kelapa, Kelapa Sawit)	0	0	0	0	0
ix)	Roti dan Konfeksi	0	1	2	0	3
x)	Vermicelli	0	0	0	0	0
xi)	Pengilangan Sos	0	0	0	0	0
xii)	Pemprosesan Jeruk	0	0	0	0	0
xiii)	Kilang Ais	0	0	0	0	0
xiv)	Pemprosesan Makanan Laut Sejukbeku	0	0	0	0	0
xv)	Pengilangan Produk Hasil Laut	0	0	0	0	0
xvi)	Pengetinan Makanan	0	0	0	0	0
xvii)	Lain-Lain Kilang Makanan	0	0	0	0	0
	Jumlah	0	1	2	0	3
	Jumlah Besar	0	19	240	249	508

Gambar 1: Beberapa siri pemeriksaan dan aktiviti penguatkuasaan terhadap premis pengendali makanan yang telah dilakukan sepanjang tahun 2008



Mac 2008: Pegawai Berkuasa sedang mengambil sampel makanan dan membuat ujian 'swab' terhadap pengendali makanan semasa pemeriksaan premis di sebuah restoran dilakukan.




Mei 2008: Pegawai Berkuasa sedang memeriksa dan memberi teguran kepada pengusaha makanan semasa periksaan premis dilakukan.



November 2008: Pegawai Berkuasa sedang menampal notis penutupan premis tidak suci di kantin sebuah sekolah di Kuala Lumpur.

Rajah 1: Penutupan Premis Makanan (Akta Makanan),2008, JKWPKL&P



Pihak Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (JKDBKL) pula telah memeriksa sebanyak 274 buah kilang makanan. Dari jumlah tersebut 86.50% termasuk dalam kategori A, 82.96% kategori B dan 87.50% kategori C.

2.0.2 Pensampelan Makanan (Rutin)

Pensampelan makanan adalah merupakan antara program utama dalam Aktiviti Keselamatan dan Kualiti Makanan. Aktiviti ini dilaksanakan mengikut sasaran kerja tahunan yang telah ditetapkan. Pada tahun 2008 aktiviti rutin ini mula dijalankan oleh JKWPKL&P bagi kawasan Kuala Lumpur. Antara sampel makanan yang diambil adalah dari kategori bijirin dan hasil bijirin, susu dan hasil susu, daging, air, minuman ringan, makanan sedia dimakan dan lain-lain. Sampel-sampel makanan ini telah dihantar ke Makmal Kesihatan Awam (MKA) Kebangsaan Sungai Buloh dan Makmal Jabatan Kimia Petaling Jaya untuk dianalisis. PKD Putrajaya meneruskan aktiviti pengambilan sampel makanan ini seperti tahun sebelumnya.

Secara keseluruhannya bilangan sampel yang diambil bagi tahun 2008 adalah 1,189 iaitu 824 sampel formal dan sebanyak 365 sampel tidak formal. Peningkatan bilangan sampel rutin yang diambil berbanding tahun 2007 adalah disebabkan berlakunya krisis pencemaran melamine dalam makanan pada penghujung tahun 2008. Sebanyak 40 sampel makanan yang dianalisis didapati melanggar peruntukan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Makanan-makanan yang melanggar tersebut telah dimusnahkan dan pemilik telah diberikan surat amaran.

Jadual 2: Ringkasan Maklumat Pensampelan Makanan, 2006-2008, JKWPKL&P

Perkara	Tahun		
	2006	2007	2008
Bilangan sampel diambil	147	171	1,189
Bilangan sampel dianalisis mengikut parameter :			
• Mikrobiologi		165	448
• Kimia		6	712
• Fizikal		0	29
Jumlah:	147	171	1,189
Bilangan sampel melanggar Akta Makanan 1983	0	21	40

Jadual 3: Ringkasan Maklumat Sampel Yang Melanggar Perundangan, 2008, JKWPKL&P

Kumpulan Makanan	B	Keterangan Perlanggaran
<i>Cereal and Cereal Product, Starch & Bread</i>	2	Pengawet
<i>Malt and Malt Extract</i>	0	
<i>Food Aerating Substance</i>	0	
<i>Milk and Milk Product</i>	0	
<i>Sweetening Substance</i>	0	
<i>Confection</i>	2	Lain-lain
<i>Meat and Meat Product</i>	0	
<i>Fish and Fish Product</i>	5	Pewarna, Pencemaran Besi dan Pencemaran Mikrobiologi
<i>Egg And Egg Product</i>	0	
<i>Edible Fat And Edible Oil</i>	0	
<i>Vegetable And Vegetable Product</i>	3	Pengawet, Pencemaran Besi dan Sisa Racun Perosak
<i>Fruit And Fruit Product</i>	3	Sisa Racun Perosak
<i>Jam, Fruit Jelly, Marmalade & Seri Kaya</i>	0	
<i>Nut and Nut Product</i>	1	Pencemaran Mikrobiologi
<i>Tea, Coffee, Chicory & Related Product</i>	3	Pewarna dan Lain-lain
<i>Cocoa and Cocoa Product</i>	1	Lain-lain
<i>Milk Drink, Milk Shake</i>	0	
<i>Salt and Spice</i>	0	
<i>Vinegar, Sauce, Chutney and Pickle</i>	0	
<i>Soft Drink</i>	0	
<i>Alcoholic Beverage</i>	0	
<i>Special Purpose Food</i>	0	
<i>Water, Ice and Steam</i>	0	
<i>Miscellaneous</i>	2	Pencemaran Mikrobiologi
<i>Others: 1. Ready To Eat</i>	18	Pencemaran Besi & Mikrobiologi
<i>2. Nutritive Supplement</i>	0	
Jumlah	40	

Pihak JKDBKL pula telah mengambil sebanyak 1,869 sampel makanan iaitu 1,020 sampel adalah untuk analisis kimia dan 849 sampel untuk analisis mikrobiologi. Hasil analisis mendapati sebanyak 38 sampel makanan melanggar peruntukan undang-undang dan telah diambil tindakan termasuk sebanyak 23 kes telah dibawa ke mahkamah.

2.0.3 Pensampelan Makanan (Arahan Khas Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan)

Sepanjang tahun 2008, terdapat beberapa arahan khas (ad-hoc) dari Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan (BKKM) berkaitan pensampelan makanan (selain dari pensampelan makanan rutin) yang perlu dilaksanakan.

Jadual 4: Senarai Pensampelan Makanan Mengikut Arahan Khas BKKM, 2008, JKWPKL&P

Tarikh/Bulan	Butiran Pensampelan	Tujuan
Julai 2008	Tepung gandum – 11 sampel diambil di kilang di Kuala Lumpur	Pengawasan tahap kualiti dan keselamatan
Mei 2008	Air (<i>vended water machine</i>) – 6 sampel di sekitar Kuala Lumpur	Pengawasan tahap kualiti di 12 lokasi di Kuala Lumpur
Februari 2008	Gula-gula (<i>white rabbit creamy candy</i>) yang diimport dari China – 2 sampel	Pengawasan kandungan formaldehid

Gambar 2: Beberapa aktiviti pensampelan yang telah dilakukan sepanjang tahun 2008 di beberapa premis di sekitar Kuala Lumpur



Januari 2008: Pegawai Berkuasa dibantu oleh PKA sedang melaksanakan tugas-tugas pensampelan daging babi di sebuah pasar basah di Kuala Lumpur.



Mei 2008: Pegawai Berkuasa sedang memeriksa dan mengambil sampel air dari 'vending water machine' di kaki lima sebuah premis di Kuala Lumpur.

2.0.4 Pengawasan Keselamatan Makanan Bagi Acara Khas

Banyak aktiviti pengawasan keselamatan makanan bagi acara khas yang dijalankan di WP Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi tahun 2008 samada acara peringkat tempatan atau antarabangsa seperti yang dipaparkan dalam jadual di bawah. Aktiviti pengawasan yang dilaksanakan meliputi pemeriksaan premis makanan, pensampelan makanan dan pemeriksaan terhadap pengendali makanan. Sepanjang tahun 2008, tiada kes keracunan makanan dilaporkan yang berkait dengan penganjuran acara-acara khas tersebut.

Jadual 5: Ringkasan Aktiviti Pengawasan Keselamatan Makanan Bagi Acara Khas, 2008, JKWPKL&P

Perkara	Kawasan	
	2007	2008
Bilangan pengawasan acara khas peringkat tempatan	12	11
Bilangan pengawasan acara khas peringkat antarabangsa	14	12
Bilangan sampel diambil untuk analisis makmal	0	0
Bilangan sampel diambil untuk 'holding'	500	450

2.0.5 Operasi Penguatkuasaan Akta Makanan 1983

Sebanyak 16 operasi penguatkuasaan telah dijalankan sepanjang tahun 2008 termasuk operasi penguatkuasaan dan pemantauan khas makanan sempena musim perayaan.

Gambar 3: Aktiviti pensampelan yang telah dilakukan sepanjang tahun 2008 semasa operasi pengawasan penyalahgunaan beberapa bahan terlarang di dalam makanan



Februari 2008: Pegawai Berkuasa sedang memeriksa dan mengambil sampel mi kuning semasa operasi pengawasan penyalahgunaan asid borik dalam mi.



Mac 2008: Pegawai Berkuasa sedang memeriksa dan mengambil sampel semasa operasi pengawasan penyalahgunaan bahan pewarna dalam teh.

Ringkasan maklumat operasi yang telah dilaksanakan oleh JKWPKL&P sepanjang tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di bawah.

Jadual 6: Operasi Penguatkuasaan Akta Makanan, 2006-2008, JKWPKL&P

Perkara / Bilangan		JKWPKL&P		
		2006	2007	2008
Bilangan operasi diadakan		7	3	16
Bilangan premis makanan diperiksa		-	-	-
Anggaran nilai (RM) makanan disita (seal)		-	5,380.00	-
Bilangan sampel makanan diambil & dianalisis		-	0	0
Rampasan Makanan (luput tarikh / rosak)	Bilangan	-	23	10
	Anggaran nilai (RM)	9,481.37	234.40	1,431.25

2.0.6 Siasatan Aduan Kebersihan Dan Keselamatan Makanan

JKWPKL&P menerima banyak aduan daripada pengguna seperti tahun-tahun sebelumnya. Aduan yang diterima adalah mengenai kebersihan, keselamatan makanan dan juga kes keraguan pengguna berkenaan sesuatu produk. Terdapat juga aduan diterima daripada Jabatan kerajaan seperti JAKIM, KPDNHEP dan sebagainya. Aduan yang diterima adalah melalui telefon, surat, portal/laman web KKM dan pengadu hadir sendiri ke JKWPKL&P.

Jadual 7: Aduan Kebersihan dan Keselamatan Makanan, 2006-2008, JKWPKL&P

Perkara / Bilangan		JKWPKL&P		
		2006	2007	2008
Aduan berkaitan kebersihan premis makanan dan tindakan diambil		-	20	10
Aduan berkaitan keselamatan makanan dan tindakan diambil		-	19	17
Jumlah Aduan dan Tindakan		14	39	27

Pihak JKDBKL telah menerima sebanyak 11 aduan berkaitan makanan sepanjang tahun 2008.

2.0.7 Pemantauan Keselamatan Makanan

Pemantauan keselamatan makanan meliputi pemantauan peringkat Kebangsaan, Pemantauan logam berat dalam makanan (Projek *Total Diet Study*) dan pemantauan peringkat WPKL. Bagi pemantauan peringkat nasional dan logam berat dalam makanan yang melibatkan JKN dan makmal akan diberikan protokol terperinci bagi setiap aktiviti oleh BKKM manakala pemantauan peringkat WPKL dirancang diperingkat jabatan tetapi masih berhubung isu keselamatan makanan.

Pemantauan ini bertujuan memastikan kawalan keselamatan makanan yang berkesan, data yang berkualiti berhubung tahap pencemaran bahan kimia, mikrobiologi, aditif makanan dan migrasi bahan kimia yang perlu diketahui. Maklumat ini penting dalam merumuskan *risk management option* yang efektif.

- Pemantauan Peringkat Kebangsaan – Pada tahun 2008 Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, JKWPKL&P telah menjalankan dua aktiviti pemantauan peringkat Kebangsaan seperti di bawah dan kesemua maklumat telah dihantar ke BKKM untuk tindakan selanjutnya.

Jadual 8: Ringkasan Pemantauan Peringkat Kebangsaan

Tajuk Pemantauan	Jenis Makanan	Bilangan Sampel
Aflatoksin dalam cili kering, serbuk cili dan cili boh	Cili kering, serbuk cili dan cili boh	12
Formaldehid dalam vermicelli / pasta	Bihun, makaroni, spaghetti	12

- Pemantauan Logam Berat (*Total Diet Study*) – Bagi pemantauan logam berat dalam makanan, sebanyak 11 kategori utama makanan terlibat meliputi 219 produk. Arahan dan prosedur telah ditetapkan oleh BKKM. Kesemua sampel diambil dan dihantar ke makmal yang ditetapkan untuk dianalisis dan maklumat terperinci dihantar ke BKKM untuk tindakan selanjutnya. Kategori makanan yang terlibat adalah:
 - Bijirin dan hasilan bijirin
 - Daging dan hasilan daging
 - Ikan dan makanan laut
 - Telur dan hasilan telur
 - Kekacang dan hasilan kekacang
 - Susu dan hasil tenusu
 - Sayur-sayuran

- viii. Buah-buahan
 - ix. Minuman
 - x. Perencah dan perisa
 - xi. Lain-lain
- Pemantauan Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur – Selain itu, unit ini juga menjalankan pemantauan di peringkat Wilayah Persekutuan. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah pemantauan menggunakan *test-kit* dan pemantauan Bazaar Ramadhan. Ini dapat memastikan kawalan makanan dilakukan dengan lebih aktif atas inisiatif yang dijalankan oleh unit ini.

Ringkasan pemantauan menggunakan test-kit dan Pemantauan Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 9: Ringkasan Pemantauan Menggunakan *Test-Kit*

Tajuk	Perkara yang dianalisis	Bilangan sampel
Ujian HY-Rise Colour Hygiene test Strip	Peralatan menjual makanan di Bazar Ramadhan terlibat	74
Ujian Sodium hydrosulfite	Sayur-sayuran segar	40
Ujian Readycult E.coli / coliform	Tangki-tangki utama di JKWPKL&P	9

Jadual 10: Ringkasan Pemantauan Peringkat WPKL

Tajuk	Jenis Makanan	Bilangan sampel
Analisis TPC dan Bacillus cereus	Nasi & Hasil bijirin (Bazar Ramadhan)	30
Analisis TPC dan Salmonella	Lauk-pauk (Bazar Ramadhan)	30
Analisis Asid Salisilik	Jeruk Buah-buahan	30

Gambar 3: Beberapa ujian menggunakan *test-kit*

Penolong Pegawai Teknologi Makanan sedang menjalankan ujian menggunakan *test-kit* di Bilik Sampel UKKM.



September 2008: Pegawai menjalankan analisis menggunakan *test-kit* pada peralatan yang digunakan di Bazar Ramadhan.

- Program KENDIRI – Program KENDIRI merupakan singkatan daripada Program Pemeriksaan Sendiri kantin sekolah dan dapur asrama yang dijalankan oleh pihak sekolah dan pengusaha kantin. Ia berupaya menentukan tahap keselamatan makanan yang disediakan di kantin dan dapur asrama dengan mengenal pasti faktor yang boleh menyumbang kepada kejadian keracunan makanan. Jadual di bawah merupakan ringkasan pelaksanaan program KENDIRI yang telah dijalankan pada tahun 2008.

Jadual 11: Pelaksanaan Program KENDIRI bagi Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2008

No.	Perkara	Jumlah	
		Jab. Pel. WPKL	Jab. Pel. WP Putrajaya
1.	Bilangan Dapur Asrama Sekolah / Kantin Sekolah		
	Dapur Asrama Sekolah	12	1
	Kantin Sekolah	292	16
2.	Perlaksanaan Kendiri		
	Dapur Asrama Sekolah	12	1
	Kantin Sekolah	292	16
3.	Bilangan Pengendali Makanan (Termasuk Pengusaha)		
	Bil. Pengusaha/pengendali Dapur Asrama Sekolah	12	1
	Bil. Pengusaha / Pengendali Kantin Sekolah	292	16

Jadual 11: (Samb.)

No.	Perkara	Jumlah	
		Jab. Pel. WPKL	Jab. Pel. WP Putrajaya
4.	Latihan Oleh (Institut / Sekolah Latihan Pengendali Makanan)		
	Bil. Pengusaha/ Pengendali Dapur Asrama Sekolah Yang Dilatih	-	1
	Bil Pengusaha / Pengendali Kantin Sekolah Yang Dilatih	130	16
5.	Taklimat Berkaitan Format Pemeriksaan Kendiri		
	Bil. Kantin Sekolah Diberi Taklimat	292	16
	Bil. Dapur Asrama Sekolah Diberi Taklimat	12	1
	Bil. Pengusaha / Pengendali Dapur Asrama Sekolah Diberi Taklimat	12	1
	Bil. Pengusaha / Pengendali Kantin Sekolah Diberi Taklimat	12	16
	Bil. Penyelia Asrama Diberi Taklimat	12	1
	Bil. Guru Diberi Taklimat	292	32
6.	Rating Dapur Asrama Sekolah / Kantin Sekolah		
	Bil. Dapur Asrama Sekolah Diperiksa	1	1
	Bil. Dapur Asrama Sekolah Rating < 70%	1	1
	Bil. Dapur Asrama Sekolah Rating 70 - 79%	-	-
	Bil. Dapur Asrama Sekolah Rating 80 - 90%	-	-
	Bil. Dapur Asrama Sekolah Rating > 90%	-	-
	Bil. Kantin Sekolah Diperiksa	55	15
	Bil. Kantin Sekolah Rating < 70%	36	1
	Bil. Kantin Sekolah Rating 70 - 79%	10	9
	Bil. Kantin Sekolah Rating 80 - 90%	7	3
	Bil. Kantin Sekolah Rating > 90%	2	2

- Program Susu Sekolah – Program bekalan susu sekolah ini diperkenalkan bertujuan meningkatkan tahap pemakanan murid-murid sekolah rendah. Sehubungan dengan itu, unit ini bertanggungjawab memastikan tempat penyimpanan susu yang dibekalkan disimpan dengan betul dan selamat di

sekolah. Terdapat garis panduan telah dikeluarkan kepada pengurusan sekolah dan syarikat pengedar agar tiada masalah keracunan terjadi.

Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan telah menjalankan lawatan hampir 69% jumlah sekolah di Kuala Lumpur pada tahun 2008 dan bakinya akan disambung pada tahun 2009. Hasil pemeriksaan mendapati pihak sekolah tidak mematuhi sepenuhnya elemen yang diterapkan disebabkan beberapa masalah antaranya kewangan, ruang yang tidak mencukupi dan sebagainya.

2.0.8 Kawalan Makanan Import

Pada tahun 2008 JKWPKL&P telah menerima banyak surat permohonan dari Pintu-Pintu Masuk terutamanya dari Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang, Pejabat Kesihatan Pelabuhan Tanjung Puteri Johor, Pejabat Kesihatan KLIA dan lain-lain lagi bagi menjalankan program pengawasan dan penguatkuasaan terhadap makanan import.

Gambar 4: Beberapa aktiviti pengawalan makanan import



Mac 2008: Pegawai Berkuasa sedang mengambil sampel di sebuah gudang penyimpanan konsaimen makanan yang diimport untuk dianalisis.



April 2008: Pegawai Berkuasa melak (seal) konsaimen makanan import yang ditahan di sebuah gudang sehingga keputusan analisis dari makmal diperolehi.

Jadual 12: Program Pengawasan Makanan Import, 2006-2008

Perkara / Bilangan		JKWPKL&P		
		2006	2007	2008
Surat permohonan (<i>undertaking letter</i>) diterima		15	31	76
Sampel makanan diambil & dianalisis		-	31	76
Produk dilabel semula/diproses semula/reconditioning (3R)		-	2	3
Lain-Lain Tindakan susulan	Konsaimen dilepaskan	13	28	69
	Konsaimen dimusnahkan	0	2	7
	Konsaimen dieksport semula ke negara asal	2	1	0

2.0.9 Pengeluaran Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas

Bermula Januari 2006, JKWPKL&P telah memproses permohonan Sijil Kesihatan bagi tujuan eksport produk makanan ke luar negara. Jabatan juga memproses permohonan bagi mendapatkan Sijil Penjualan Bebas. Kadar bayaran yang dikenakan bagi setiap sijil yang dikeluarkan telah ditetapkan oleh pihak KKM. Proses pengeluaran sijil-sijil ini juga adalah tertakluk kepada prosedur yang telah ditetapkan oleh KKM. Tujuan utama sijil-sijil ini dikeluarkan adalah untuk membantu pihak industri makanan yang hendak mengeksport produk mereka ke luar negara bagi mengelakkan produk tersebut ditahan di pelabuhan atau di pintu masuk negara pengimport dan juga bagi memenuhi keperluan atau kehendak negara pengimport.

Ringkasan maklumat bagi pengeluaran Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di bawah.

Jadual 13: Pengeluaran Sijil Kesihatan dan Penjualan Bebas, 2006-2008, JKWPKL&P

Perkara		JKWPKL&P		
		2006	2007	2008
Bilangan permohonan diterima	Sijil Kesihatan	114	96	116
	Sijil Penjualan Bebas	0	4	22
Bilangan pemeriksaan premis	Sijil Kesihatan	57	24	9
	Sijil Penjualan Bebas	0	0	0
Bilangan sampel dianalisis	Sijil Kesihatan	333	130	203
	Sijil Penjualan Bebas	0	0	0
Bilangan sijil dikeluarkan	Sijil Kesihatan	113	95	116
	Sijil Penjualan Bebas	0	4	22
Jumlah bayaran diperolehi (RM)	Sijil Kesihatan	9,040.00	7,550.00	9,280.00
	Sijil Penjualan Bebas	0	120.00	660.00

2.0.10 Program Khas IKS Makanan

Program ini telah dijalankan semenjak pelancarannya pada tahun 2005. Tujuan program ini adalah untuk memastikan industri kecil dan sederhana (IKS) makanan di Kuala Lumpur bersedia mengikut standard Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) menjelang tahun 2010.

Aktiviti yang dijalankan dibawah program ini bertujuan memberi maklumat berkenaan sistem keselamatan makanan secara berterusan bagi memastikan bahawa industri kecil sederhana bersedia mengikut standard Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP). Khidmat nasihat yang diberikan adalah berkenaan dengan asas-asas kebersihan dan sistem jaminan keselamatan makanan seperti GMP dan analisis bahaya tempat-tempat kritikal (HACCP). Penubuhan klinik IKS juga memainkan peranan yang penting dimana pengusaha yang mempunyai masalah akan datang berjumpa dengan pegawai untuk mendapatkan khidmat nasihat di JKWPKL&P sendiri. Sebanyak 67 lawatan telah dilakukan dan hanya 45 syarikat yang masih beroperasi. Setakat ini sebanyak 29 syarikat yang sedang berusaha untuk membangunkan GMP. Jumlah ini adalah satu pencapaian yang amat memberangsangkan.

Ringkasan maklumat program khas IKS Makanan bagi tahun 2005 hingga 2008 seperti dalam Jadual 14.

Jadual 14: Program Khas IKS Makanan JKWPKL&P, 2005-2008

Perkara / Bilangan	2005	2006	2007	2008
Premis IKS makanan dilawati	147	99	79	67
Premis IKS makanan masih beroperasi (aktif)	68	67	56	45
IKS makanan yang mempunyai GMP/GHP/HACCP	14	0	4	0
IKS makanan yang sedang membangunkan GMP/GHP/HACCP	4	2	0	29
Khidmat nasihat / teguran / risalah diberikan	68	67	56	45
Seminar IKS makanan yang dianjurkan JKWPKL&P	0	0	0	1
Sampel makanan diambil dan dianalisis	0	0	0	0

2.0.11 Program Promosi Dan Pendidikan Keselamatan Makanan

Pelbagai bentuk aktiviti promosi dan pendidikan keselamatan makanan telah dijalankan seperti menerbitkan buletin, risalah, buku, apron, topi, tuala lap tangan dan sebagainya. Selain itu ceramah, kursus, seminar, taklimat dan khidmat nasihat teknikal turut dijalankan sepanjang tahun 2008.

Ringkasan maklumat program promosi dan pendidikan keselamatan makanan seperti di Jadual 15.

Jadual 15: Promosi dan Pendidikan Keselamatan Makanan, 2006-2008, JKWPKL&P

Perkara		JKWPKL&P		
		2006	2007	2008
Bilangan Sesi Promosi:				
i.	Bilangan karnival / pesta (besar-besaran)	1	1	1
ii.	Bilangan ceramah / taklimat / dialog / nasihat	36	7	15
iii.	Bilangan seminar / taklimat / kursus	6	3	2
iv.	Bilangan pameran (termasuk anjuran bersama-sama Unit / Agensi lain)	45	147	25
Bilangan Bahan Pendidikan Kesihatan Dihasilkan (2008 Sahaja):				
i.	Poster – Think Purple, Think Food Safety	1,000		
ii.	Bunting Promosi Keselamatan Makanan	2		
iii.	Risalah Pilih Premis Makanan Bersih	2,000		
iv.	Fail Promosi Keselamatan Makanan	1,000		
v.	Tuala Promosi Kebersihan	1,000		
vi.	Buletin Keselamatan & Kualiti Makanan	2,000		

- Promosi Keselamatan Makanan 2008 – Program ini bertemakan “Tanpa Kuman, Makanan Selamat”. Program ini dianjurkan bersama oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan dan UKKM, JKWPKL&P. Majlis pelancaran telah diadakan pada 14 Jun 2008 bersama-sama pelancaran “Karnival Jom Tangani Stress” di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia Dato’ Liow Tiong Lai.

Tujuan program diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran aspek keselamatan makanan terutamanya kepada pelajar sekolah. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah sketsa keselamatan makanan (Pak Uda dan Kumpulan Pi Mai Pi Mai Tang Tu), kajian pengetahuan pengendali makanan, seminar keselamatan makanan, pameran dan kuiz keselamatan makanan.

- Seminar Membangunkan Keupayaan EKS Makanan – Seminar ini telah diadakan pada 20 November 2008 di Hotel Grand Continental Kuala Lumpur. Seminar ini telah dirasmikan oleh Pengarah Kesihatan JKWPKL&P, Dr. Ismail Abu Taat. Seminar ini telah dihadiri kira-kira 100 peserta dari industri makanan (enterprise kecil sederhana) sekitar Kuala Lumpur.

Gambar 5: Beberapa program Promosi dan Pendidikan Keselamatan Makanan

Jun 2008: YB Menteri Kesihatan ketika melawat tapak pameran Keselamatan dan Kualiti Makanan.



November 2008: Pengarah JKWPKL bersama Ketua UKKM di Majlis Perasmian Seminar Membangun Keupayaan EKS Ke Arah Pelaksanaan GMP.

Tujuan utama seminar ini dianjurkan adalah untuk mempromosi Skim Pensijilan GMP Kementerian Kesihatan Malaysia. Dengan memperolehi pensijilan GMP pihak EKS makanan boleh meningkat tahap keselamatan produk makanan yang dihasilkan disamping meningkat daya saing diperingkat antarabangsa dan tempatan.

Selain ceramah daripada anggota UKKM dan BKKM, ceramah dari agensi lain seperti *Halal Development Corporation (HDC)*, *Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC)*, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT).

2.0.12 Program Pengauditan Sistem Keselamatan Makanan

Antara tujuan audit dilakukan adalah bagi memastikan kilang-kilang atau institusi terlibat sentiasa mematuhi syarat-syarat pengiktirafan yang telah diberikan. Jadual pengauditan ditentukan oleh pihak BKKM dan juga institusi yang diaudit.

Bagi tahun 2008 sebanyak 23 buah *establishment* makanan telah diaudit oleh Juruaudit dari JKWPKL&P bagi Sistem Jaminan Keselamatan Makanan dibawah Skim Pensijilan *Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)* Kementerian Kesihatan Malaysia. Ini termasuk sebanyak 22 audit pemantauan (*Surveillance Audit*) dan satu Audit Pematuhan (*Compliance Audit*).

Bagi tahun yang sama Juruaudit UKKM, JKWPKL&P telah menjalankan sebanyak tiga (3) audit bagi Skim Pensijilan *Good Manufacturing Practices (GMP)* Kementerian Kesihatan Malaysia.

Disamping itu bagi tahun yang sama, Juruaudit dari UKKM, JKWPKL&P juga terlibat dalam aktiviti pengauditan *establishment*, ladang ternakan ikan dan udang serta *competant authority* mengikut keperluan pengeksportan ikan dan hasil ikan ke negara Kesatuan Eropah (EU).

UKKM turut menjalankan audit terhadap institusi latihan pengendali makanan (ILPM) di Kuala Lumpur yang telah mendapat pengiktirafan dari Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sehingga 31 Disember 2008, terdapat sebanyak 3 buah *establishment* makanan yang telah memperolehi Sijil HACCP di bawah Skim Pensijilan HACCP Kementerian Kesihatan Malaysia di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selain itu, UKKM, JKWPKL&P juga menjalankan aktiviti penerangan dan konsultasi bagi *establishment* mengenai Skim Pensijilan HACCP Kementerian Kesihatan Malaysia.

Gambar 5: Suasana ketika proses pengauditan HACCP dilaksanakan di sebuah kilang pengetinan makanan



Jadual 16: Pengauditan Sistem Keselamatan Makanan, 2006-2008, JKWPKL&P

Program Pengauditan	2006	2007	2008
Institusi Latihan Pengendali Makanan (ILPM)	1	1	5
Pengawasan Skim Pensijilan HACCP (Industri/Hospital/Hotel)	9	24	22
Pematuhan Skim Pensijilan HACCP (Industri/Hospital/Hotel)	0	1	1
Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP)	0	0	3

2.0.13 Lain-Lain Laporan Ringkas Aktiviti Yang Dilaksanakan

- Pengawasan Air Mineral Semulajadi (AMS) dan Air Minuman Berbungkus (AMB) – Tujuan pengawasan ini adalah untuk memastikan pihak pengilang AMS dan AMB yang mendapat lesen mematuhi syarat-syarat pelesenan. Di samping itu pemeriksaan kilang AMS dan AMB yang baru memohon lesen turut dijalankan. Sampel-sampel AMB juga telah diambil dan dianalisis. Jadual aktiviti ini ditetapkan oleh pihak KKM. Di antara kilang yang telah diperiksa adalah syarikat Premium Water, Peak Pinnacle, Pure Sterling dan lain-lain.

Jadual 17: Pengawasan Air Minuman Berbungkus (AMB) dan Air Mineral Semulajadi (AMS), 2007-2008

Perkara	2007	2008
Bilangan premis AMB / AMS	6	7
Bilangan pemeriksaan premis AMB / AMS	10	1
Bilangan sampel diambil dan dianalisis	36	56

- Krisis Pencemaran Melamine Dalam Makanan – Melamine adalah bahan organik yang digunakan dalam bidang pembuatan plastik, bahan pembersih, gam, baja dan lain-lain. Pengambilan produk makanan yang dicemari melamine boleh mengakibatkan pembentukan batu karang dalam ginjal dan pundi kencing.

Pada tahun 2008 negara telah dikejutkan dengan krisis pencemaran melamine dalam makanan khususnya produk susu bayi di China. Akhbar tempatan pada bulan September 2008 telah melaporkan bahawa pihak berkuasa China telah mendapati seorang bayi meninggal dunia dan lebih 50 bayi yang lain mengalami masalah batu karang yang dikaitkan dengan pengambilan susu tepung formula bayi yang tercemar dengan melamine yang dikeluarkan oleh Syarikat Sanlu Group. Sehingga September 2008, negara China telah melaporkan seramai 39,965 orang bayi telah menerima rawatan selepas meminum susu tercemar tersebut. Daripada jumlah tersebut seramai 4 orang bayi telah meninggal dunia. Kategori umur yang terlibat adalah kanak-kanak yang berumur 3 tahun ke bawah.

